

**Zairil berpaut kedudukan Ahli Parlimen untuk menang CEC DAP**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 9 , 2013**  
**OLEH EILEEN NG**

Disember lalu, kesilapan teknikal menyaksikan Zairil Khir Johari (gambar) `dilantik' menjadi ahli ke-20 Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC).

Pada 29 September depan, apabila parti mengadakan pemilihan semula bagi CEC baru, Zairil berharap kemampuan dan pencapaiannya sebagai ahli parti dan Ahli Parlimen Bukit Bendera boleh menjadi bukti kepada kebolehannya.

"Bagi aspek boleh menang, saya fikir ramai yang semakin sedar kewujudan saya kerana profil lebih tinggi sebagai ahli parlimen sekarang dan sudah tentu dengan pemilihan sebelum ini," katanya.

Anak kepada alahyarham Tan Sri Khir Johari, orang kuat Umno yang pernah berkhidmat untuk tiga perdana menteri, Zairil menyertai DAP tiga tahun lalu dan sejak itu terus meningkat naik dalam parti itu.

Beliau dilantik sebagai setiausaha politik kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Institute.

Kepada pengkritiknya yang berpendapat kekurangan pengalaman politik akan menjadi penghalang, Zairil berkata:"Bukan berapa tahun pengalaman yang saya ada, tetapi, bagaimana cara kita mengendalikan tanggungjawab. Saya harap itu cara saya akan dihakimi."

Bagaimanapun, beliau menekankan bahawa pemilihan tidak sepatutnya menjadi pertandingan populariti tetapi memilih pemimpin terbaik untuk menggerakkan parti terus ke hadapan, tanpa mengenal bangsa.

"DAP adalah mengenai keupayaan dan kecekapan. Perwakilan perlu mengundi mengikut ciri itu dan bukan kerana bangsa," katanya dan berkata walaupun DAP adalah parti pelbagai bangsa, kebanyakan ahli CEC adalah ahli bukan Melayu.

Ahli parlimen muda berusia 31 tahun itu berkata, beliau menerima dengan hati terbuka jika tidak terlantik kali ini.

"Saya ok kerana ini adalah pilihan perwakilan," katanya.

Katanya, beliau mewakili generasi ahli politik muda yang muda dan memandang ke hadapan.

"Menjadi sebahagian daripada generasi reformasi, kami datang daripada latar belakang berbeza yang bebas daripada model perkauman lama. Ini adalah masa depan politik rakyat Malaysia," katanya.

DAP akan mengadakan pemilihan CEC baru untuk mengelak pembatalan pendaftaran berikutan arahan dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) pada 30 Julai.

RoS mengarahkan pemilihan semula itu berikutan beberapa rungutan ahli mendakwa

pemilihan pada Disember lalu tidak dijalankan dengan sempurna selepas parti mengumumkan ada kesilapan terhadap keputusan berkenaan dan calon yang salah dilantik ke dalam CEC.

Ahli yang tidak berpuas hati turut mendakwa mereka tidak dimaklumkan mengenai pengundian parti.

Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke menafikan tuduhan mengenai parti tidak memaklumkan 753 perwakilan mengenai pemilihan parti dan mengeluarkan bukti rekod kedatangan ahli, tandatangan dan resit pos yang menunjukkan notis sudah dihantar. – 9 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/zairil-berpaut-kedudukan-ahli-parlimen-untuk-menang-cec-dap>